



**TATACARA PERMOHONAN
PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS)
BAGI BAHAN BINAAN TEMPATAN
EDISI KE-2**

**TATACARA PERMOHONAN
PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS)
BAGI BAHAN BINAAN TEMPATAN**

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN
MALAYSIA**

Edisi pertama 2015
Edisi kedua 2022 – Jumlah Cetakan 100 naskah

© Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 2022



Sebarang pertanyaan berkaitan buku ini hendaklah dimajukan kepada:

Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tingkat 34, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia (WTC)
No 45, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur
Malaysia.

Tel : 603-4047 7000
Faks : 603-4047 7070
Email : qpass@cidb.gov.my
Web : www.cidb.gov.my

Sebarang aspek dari penerbitan ini tidak boleh diterbit semula dalam sebarang bentuk atau cara sama ada elektornik, mekanikal, fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran dari CIDB.

ISI KANDUNGAN

TAJUK/ PERKARA

MUKA SURAT

| | | |
|------------|--|----------------|
| | PRAKATA | 1 |
| 1. | PENGENALAN | 2 |
| 2. | OBJEKTIF | 2 |
| 3. | PERUNDANGAN | 2 |
| 4. | SENARAI BAHAN BINAAN DIKUATKUASAKAN | 4 |
| 5. | SINGKATAN | 4 |
| 6. | TAKRIF | 5 |
| 7. | TATACARA PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS) | 7 |
| | 7.1 PERMOHONAN BAHARU | |
| | 7.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN | |
| | 7.3 PERMOHONAN PENAMBAHAN PRODUK | |
| | 7.4 PERINGKAT VERIFIKASI | |
| | 7.5 PERINGKAT KELULUSAN | |
| | 7.6 TEMPOH SAH PPS | |
| | 7.7 PROSES PERMOHONAN SECARA "ON-LINE" (PERMOHONAN BAHARU) | |
| | 7.8 PROSES PERMOHONAN SECARA 'MANUAL' (PERMOHONAN BAHARU) | |
| | 7.9 PROSES PERMOHONAN SECARA "ON-LINE" (PERMOHONAN PEMBAHARUAN) | |
| | 7.10 PROSES PERMOHONAN SECARA "ON-LINE" (PERMOHONAN PENAMBAHAN PRODUK) | |
| | 7.11 PROSES PERMOHONAN SECARA "ON-LINE" (PERMOHONAN BAHARU/ PEMBAHARUAN BAGI PRODUK IBS) | |
| | 7.12 PROSES PELANTIKAN BADAN PEMERIKSA DAN MAKMAL UNTUK TUJUAN PEMERIKSAAN DAN PENGUJIAN BAGI PERMOHONAN PPS | |
| 8. | SYARAT-SYARAT VERIFIKASI | 15 |
| | 8.1 PENANGGUHAN VERIFIKASI | |
| 9. | YURAN | 16 |
| | 9.1 BAYARAN PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD | |
| | 9.2 PENGELUARAN SEMULA SIJIL PPS (UNTUK PENUKARAN MAKLUMAT) | |
| 10. | TINDAKAN TERHADAP KETIDAKPATUHAN | 16 |
| 11. | LAMPIRAN A - F | 17 |
| | A : Senarai Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan 2021) | 18 - 34 |
| | B : Carta Proses Pendaftaran Pengguna Baharu Sistem CCPM | 35 |
| | Carta Proses Permohonan Perakuan Pematuhan Standard Sistem CCPM | 36 |
| | C : Borang PBT_01 : Borang Permohonan Secara Manual | 37 - 39 |
| | D : Senarai Semak Bagi Permohonan PPS | 40 |
| | E : Borang Perlantikan Badan Pemeriksa Dan Makmal Bagi Tujuan Pemeriksaan Dan Ujian Bagi Permohonan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) Tempatan | 41 - 43 |
| | F : Syarat-Syarat Perakuan Pematuhan Standard (PPS) | 44 - 45 |

PRAKATA

CIDB di bawah **Akta 520 (Pindaan 2011) Seksyen 33C** menjadikan CIDB sebagai salah satu agensi yang bertanggungjawab untuk memantau dan menguatkuasakan bahan binaan yang berada di pasaran tempatan. Buku tatacara ini diterbitkan dan dikemaskini sebagai satu panduan kepada pengeluar/pengilang bagi mendapatkan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) bagi bahan binaan tempatan yang tersenarai di bawah **Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan 2021)**. Pemerakuan bahan binaan tempatan ini dilaksanakan bertujuan untuk memastikan bahan binaan tempatan yang tersenarai dalam jadual tersebut mematuhi syarat keperluan standard yang berkenaan **Quality Product in Accordance to Specified Standard (QPASS)** serta dapat menjamin kualiti dan keselamatan bahan binaan yang digunakan di tapak bina.

Bahan binaan yang dikawal selia CIDB adalah seperti yang tersenarai dalam **Jadual Keempat Akta 520** adalah diwajibkan untuk diperakukan dengan memperolehi Perakuan Pematuhan Standard (PPS) yang sah. Terdapat **13 kategori bahan binaan** yang tersenarai dalam **Jadual Keempat**. Dibawah Peruntukan Akta 520, Seksyen 33D(1), seseorang tidak boleh berurusan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan bahan binaan yang dinyatakan dalam jadual keempat melainkan jika bahan binaan itu telah diperakukan oleh CIDB. Mana-mana orang yang berurusan atau mengaku janji untuk berurusan dengan bahan binaan yang dinyatakan dalam jadual keempat tanpa perakuan CIDB telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan **boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000.00 tetapi tidak melebihi RM500,000.00** mengikut seksyen 33D(2).

Sehubungan dengan itu, kepada semua pengeluar/ pengilang bahan binaan yang tersenarai dalam **Jadual Keempat** adalah diarahkan untuk mendapatkan PPS dengan menjadikan buku tatacara ini sebagai bahan rujukan untuk memastikan permohonan PPS adalah mematuhi syarat prosedur yang telah ditetapkan oleh CIDB dan proses pemerakuan dapat dibuat dengan lebih cekap.

1. PENGENALAN

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah merupakan *regulator* kepada industri pembinaan negara. Peranan ini telah diperjelaskan melalui Akta 520 (Pindaan 2011) dengan memperluaskan fungsi CIDB sebagai badan penguatkuasa terhadap kualiti bahan binaan di Malaysia. Pelaksanaan pematuhan Standard Malaysia ke atas bahan binaan diperakukan dengan pengeluaran Perakuan Pematuhan Standard (PPS) oleh CIDB.

2. OBJEKTIF KAWALAN KUALITI BAHAN BINAAN

- a. Memastikan setiap bahan binaan yang dikuatkuasakan mencapai tahap kualiti yg baik/ tinggi sebelum digunapakai dalam industri pembinaan negara.
- b. Memastikan bahan binaan yang tidak berkualiti tidak dikeluarkan ke pasaran tempatan.
- c. Memastikan produk pembinaan menjamin keselamatan pengguna/ pekerja binaan.
- d. Memastikan alam sekitar terpelihara.
- e. Menyokong inisiatif ke arah Pembinaan Hijau (*Green Construction*).
- f. Memastikan keseragaman penandaan (*marking*) pada produk binaan bagi memudahkan pengenalan kualiti kepada pengguna.
- g. Meningkatkan imej industri pembinaan negara.

3. PERUNDANGAN

Akta 520 (Pindaan 2011) telah memperuntukkan kuasa kepada CIDB sebagai badan penguatkuasa mengawal kualiti bahan binaan seperti seksyen berikut:

- a. **Seksyen 2(1)** mendefinisikan:
 - “Bahan binaan” sebagai apa-apa jenis, saiz dan sifat bahan, permulaan, sementara, pertengahan atau siap, sama ada dikilangkan secara tempatan atau diimport yang digunakan bagi maksud industri pembinaan.
 - “Berurusan” sebagai mengendalikan, menggunakan, mengilangkan, membekalkan, memasarkan, memindahkan, menjual atau membeli, sama ada secara borong atau runcit, mengimport atau mengeksport.
 - “Industri pembinaan” sebagai industri yang berkaitan dengan kerja pembinaan, termasuklah rekabentuk, pengilangan, teknologi, bahan dan mutu kerja binaan dan perkhidmatan bagi maksud pembinaan
 - “Pemerakuan” sebagai suatu tatacara yang dengannya Lembaga atau mana-mana orang yang

diberi kuasa oleh Lembaga memberikan jaminan bertulis bahawa sesuatu proses, amalan atau perkhidmatan mematuhi kehendak yang tertentu.

- b. Fungsi, **Seksyen 4(1)(f)** – memajukan dan menggalakkan jaminan kualiti dalam industri pembinaan;
- c. Fungsi, **Seksyen 4(1)(g)** – mengawal selia pematuhan standard bagi mutu kerja binaan dan bahan binaan.
- d. **Seksyen 33C (1)** - 'Lembaga hendaklah, mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga, memperakukan bahan binaan yang digunakan dalam industri pembinaan dan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat mengikut standard yang dinyatakan dalam jadual itu.'
- e. **Seksyen 33C (2)** - Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Keempat.
- f. **Seksyen 33C (3)** - Lembaga boleh menyimpan dan menyenggara suatu Daftar mengenai butir-butir dan rekod kesemua bahan binaan yang diperakukan.
- g. **Seksyen 33C (4)** - Lembaga boleh, bagi maksud pemerakuan di bawah subseksyen (1), mengenakan syarat yang difikirkannya patut.
- h. **Seksyen 33C (5)** - Lembaga boleh menggantung, membatalkan, mengembalikan semula atau menolak pemerakuan dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Lembaga.
- i. **Seksyen 33D (1)** - memperuntukan larangan terhadap 'berurusan' dengan bahan binaan yang tidak diperakukan oleh CIDB.
- j. **Seksyen 33D (2)** - memperuntukkan denda kepada pihak yang melanggar peruntukan Seksyen 33D (1) bahawa; apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada **sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit**.
- k. **Seksyen 35C (2a)** - menggeledah dan menyita apa-apa bahan binaan, kelengkapan, alatan, buku, rekod, dokumen, dokumen berkomputer, barang atau benda lain yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.
- l. **Seksyen 35C (2b)** - mengambil sampel apa-apa bahan binaan atau benda yang dijumpai dipremis atau tapak pembinaan itu bagi maksud menentukan, dengan ujian atau selainnya sama ada kesalahan itu telah dilakukan.

4. SENARAI BAHAN BINAAN DIKUATKUASAKAN

Berikut adalah senarai kategori bahan-bahan binaan yang disenaraikan dalam Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan 2021) (Rujuk **Lampiran A** untuk keterangan lanjut).

| Bil | Kategori Bahan/ Produk | Product Categories |
|------------|---|--|
| 1. | Aluminium | <i>Aluminium</i> |
| 2. | Bahan Penebat | <i>Insulation Material</i> |
| 3. | Jubin Seramik | <i>Ceramic Tiles</i> |
| 4. | Kaca | <i>Glass</i> |
| 5. | Kepingan Rata Simen Gentian Yang Tidak Mempunyai Asbestos “ | <i>Fibre Cement Flat Sheet Not Containing Asbestos</i> |
| 6. | Konkrit Pra-Tuang | <i>Pre-Cast Concrete</i> |
| 7. | Konkrit Siap Campur | <i>Ready Mix Concrete</i> |
| 8. | Simen | <i>Cement</i> |
| 9. | Sistem Binaan Berindustri | <i>Industrialised Building System (IBS)</i> |
| 10. | Paip Seramik dan Pemasangan Paip | <i>Ceramic Pipes and Pipe Fittings</i> |
| 11. | Peralatan Kebersihan | <i>Sanitary Wares</i> |
| 12. | Produk Besi dan Keluli | <i>Iron and Steel Products</i> |
| 13. | Sawar Sinaran (Kerajang Penebatan Terma) | <i>Radiant Barrier (Thermal Insulation Foil)</i> |

Nota: Senarai Jadual Keempat akan berubah dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan sesuai dengan kehendak seksyen 33C (2).

5. SINGKATAN

- a. CB *Certification Body* (Badan Pensijilan)
- b. MS *Malaysian Standard*
- c. FTTR *Full Type Test Report*
- d. PC *Product Certification*
- e. PV Pegawai Verifikasi
- f. SSM Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- g. PPS Perakuan Pematuhan Standard
- h. SAMM Sijil Akreditasi Makmal Malaysia
- i. CPA *Construction Product Approval*
- j. IMPACT *IBS Manufacturer & Product Assessment & Certification*
- k. ILAC *International Laboratory Accreditation Cooperation*
- l. APAC *Asia Pacific Accreditation Cooperation*
- m. ISO *International Organization for Standardization*

- n. IEC *International Electrotechnical Commission*
- o. CIDB Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
- p. CCPM *Certification of Construction Product & Material*
- q. CIS *Construction Industry Standard*
- r. TPIB *Third Party Inspection Body Form*

6. TAKRIF

- a. Produk Bahan atau barangan siap atau separuh siap yang digunakan untuk kerja-kerja pembinaan yang disenaraikan dalam Jadual Keempat Akta 520 Pindaan 2011.
- b. PPS Sijil yang dikeluarkan oleh CIDB yang memperakui bahawa produk binaan telah mematuhi keperluan standard yang berkaitan.
- c. *Product Certification* Sijil ini dikenali sebagai PC, dikeluarkan oleh CB yang diakredit oleh Jabatan Standard Malaysia yang mematuhi standard produk dalam tempoh sah laku yang ditetapkan. Sijil ini dikeluarkan atas nama pengeluar/ pengilang.
- d. *Certification Body* Agensi yang telah diakredit oleh Jabatan Standard Malaysia sebagai CB mengikut MS ISO/IEC 17065.
- e. Makmal Makmal ujian yang memperolehi SAMM/ ILAC/ APAC IEC/ ISO 17025 atau yang diluluskan oleh CIDB mengikut kriteria yang ditetapkan.
- f. *Malaysia Standards* Standard yang dibangunkan setakat mana yang mungkin atau sejajar dengan atau penggunaan piawaian antarabangsa. Kelulusan standard sebagai Standard Malaysia dikawal oleh Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549) dan dikaji secara berkala.
- g. Verifikasi Pemeriksaan fizikal oleh PV ke atas produk yang dikeluarkan mengikut keperluan standard yang ditetapkan di kilang/ premis berkenaan.
- h. Jabatan Standard Malaysia Sebuah agensi berkanun di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Ia berperanan melaksanakan tugas dan fungsi dalam standardisasi dan akreditasi mengikut Akta 549.
- i. Tindakan terhadap ketidakpatuhan Tindakan yang dikenakan kepada pengeluar/ pengilang seperti yang diterangkan di perkara 10.0
- j. CCPM Sistem permohonan atas talian (*Online*) bagi permohonan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) Tempatan melalui pautan <https://ccpm.cidb.gov.my>

- k. Pemerakuan Seksyen 33C (1) - 'Lembaga hendaklah, mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga, memperakukan bahan binaan yang digunakan dalam industri pembinaan dan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat mengikut standard yang dinyatakan dalam jadual itu.'
- l. Bahan binaan Sebagai apa-apa jenis, saiz dan sifat bahan, permulaan, sementara, pertengahan atau siap, sama ada dikilangkan secara tempatan atau diimport yang digunakan bagi maksud industri pembinaan.
- m. Industri pembinaan Sebagai industri yang berkaitan dengan kerja pembinaan, termasuklah rekabentuk, pengilangan, teknologi, bahan dan mutu kerja binaan dan perkhidmatan bagi maksud pembinaan.

7. TATACARA PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS) BAGI BAHAN BINAAN TEMPATAN

Semua permohonan PPS hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) melalui sistem CCPM di <https://ccpm.cidb.gov.my> oleh wakil pengeluar/ pengilang. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak. Bayaran hendaklah dibuat semasa permohonan. (Rujuk perkara 9 Yuran)

7.1 Permohonan Baharu

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap berserta dokumen-dokumen seperti berikut:-

- a. Bukti terkini **Pendaftaran Syarikat** dengan SSM, MAA, Borang 49, Borang 24, Borang 44 dan/ atau bukti **Pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Tempatan** yang masih sah laku bagi Sabah & Sarawak.
- b. Salinan **PC** yang masih sah.
- c. Bukti bayaran yuran permohonan baharu. (Untuk permohonan secara manual sahaja)

7.2 Permohonan Pembaharuan

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan yang lengkap berserta dokumen-dokumen seperti berikut:-

- a. Bukti terkini **Pendaftaran Syarikat** dengan SSM, MAA, Borang 49, Borang 24, Borang 44 dan/atau bukti **Pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Tempatan** yang masih sah laku bagi Sabah & Sarawak.
- b. Salinan **PC** yang telah diperbaharui
- c. Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya **30 hari sebelum tarikh tamat tempoh.**

Nota: Pengeluar/ pengilang tidak dibenarkan membekalkan produk bahan binaan kepada industri sekiranya tempoh pendaftaran PPS telah tamat sehingga pendaftaran tersebut diperbaharui.

7.3 Permohonan Penambahan Produk

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan penambahan produk yang lengkap berserta dokumen-dokumen seperti berikut:-

- a. Bukti terkini **Pendaftaran Syarikat** dengan SSM, MAA, Borang 49, Borang 24, Borang 44 dan/ atau bukti **Pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Tempatan** yang masih sah laku bagi Sabah & Sarawak.
- b. Salinan **PC** yang baru termasuk produk tambahan

Nota: Setiap permohonan penambahan produk disyorkan dibuat bersama dengan permohonan pembaharuan Perakuan.

7.4 Peringkat Verifikasi

- a. PV CIDB yang dilantik akan mengesahkan tarikh dan seterusnya mengadakan lawatan ke premis pengeluar/ pengilang untuk proses verifikasi bahan/ produk binaan di premis bagi setiap permohonan baharu. Verifikasi adalah untuk mengesahkan bahawa pematuhan standard bahan binaan bahan/ produk yang dinyatakan dalam PC dikeluarkan oleh pengeluar/ pengilang tersebut.
- b. Bagi permohonan pembaharuan, lawatan verifikasi kilang tidak akan dibuat kecuali jika terdapat penambahan bahan/ produk binaan baru atau terdapat keraguan yang memerlukan verifikasi dijalankan.


7.5 Peringkat Kelulusan

- a. Laporan verifikasi akan disediakan selepas lawatan verifikasi dijalankan dan pengesyoran akan dibuat oleh PS sebelum kelulusan oleh PM.
- b. Emel/ surat pemakluman gagal akan dikeluarkan bagi sesuatu permohonan atau sebahagian produk yang tidak mematuhi kriteria yang telah ditetapkan.
- c. PPS akan dikeluarkan kepada pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- d. Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi 10 hari bekerja dari tarikh lawatan verifikasi dan tidak melebihi 3 hari bagi permohonan pembaharuan.

7.6 Tempoh Sah PPS

Tempoh sah laku **PPS** adalah **1 tahun**.


7.7 Proses Permohonan Secara “On-line” (Permohonan Baharu)

| Carta Alir | Keterangan |
|---|---|
|  <pre> graph TD MULA([MULA]) --> MOHON_AKSES[MOHON AKSES] MOHON_AKSES --> MOHON[MOHON] MOHON --> SEMAK{SEMAK} SEMAK -- Tidak lengkap --> MOHON SEMAK -- Lengkap --> VERIFIKASI_FIZIKAL{VERIFIKASI FIZIKAL} VERIFIKASI_FIZIKAL -- Ditolak --> MOHON VERIFIKASI_FIZIKAL -- Disahkan --> KELULUSAN{KELULUSAN} KELULUSAN -- Gagal --> MOHON KELULUSAN -- Lulus --> PPS[PPS] PPS --> TAMAT([TAMAT]) </pre> | <p><u>DAFTAR AKAUN CCPM</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon hendaklah mendaftar akaun di sistem CCPM untuk mendapatkan akses (username dan Password) masuk. (sila rujuk lampiran B). <p><u>PERMOHONAN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Pemohon perlu memohon di https://ccpm.cidb.gov.my dengan memasukkan semua maklumat ke dalam sistem untuk semakan dan kelulusan CIDB. 3. Bayaran yuran (RM1,500) perlu dijelaskan semasa permohonan. |
| | <p><u>SEMAKAN DOKUMEN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 4. Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap, pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan dalam tempoh 3 hari bekerja tanpa dikenakan bayaran semula. |
| | <p><u>VERIFIKASI FIZIKAL</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 5. CIDB akan mengesahkan tarikh verifikasi yang dicadangkan oleh pengeluar/ pengilang bagi membuat pemeriksaan fizikal terhadap bahan/ produk binaan di premis pengeluar/ pengilang dan mengadakan lawatan verifikasi. 6. Verifikasi akan dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap. |
| | <p><u>KELULUSAN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 7. Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi 10 hari bekerja dari tarikh lawatan verifikasi. |
| | <p><u>PENGELUARAN PPS</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 8. Setelah diluluskan, sistem CCPM akan menjana terus Sijil PPS digital secara atas talian. 9. Pemohon perlu daftar masuk semula ke CCPM dan boleh memuat turun sendiri sijil PPS digital secara atas talian. 10. Cetakan sijil PPS digital boleh dilakukan melalui sistem tersebut. |


7.8 Proses Permohonan Secara 'Manual' (Permohonan Baharu)
(Hanya sekiranya sistem mengalami gangguan teknikal melebihi 24 jam)

| Carta Alir | Keterangan |
|---|---|
|  <pre> graph TD MULA([MULA]) --> MOHON[MOHON] MOHON --> SEMAK{SEMAK} SEMAK -- Tidak lengkap --> MOHON SEMAK -- Lengkap --> VERIFIKASI_FIZIKAL{VERIFIKASI FIZIKAL} VERIFIKASI_FIZIKAL -- Ditolak --> MOHON VERIFIKASI_FIZIKAL -- Disahkan --> KELULUSAN{KELULUSAN} KELULUSAN -- Gagal --> MOHON KELULUSAN -- Lulus --> KEMASKINI[/KEMASKINI/] KEMASKINI --> PPS[PPS] PPS --> TAMAT([TAMAT]) </pre> | <p><u>PERMOHONAN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semasa sistem CCPM tergendala, permohonan pendaftaran dilakukan secara manual. Pemohon hendaklah mengisi Borang PPS_01 yang dikehendaki oleh CIDB dan dihantar ke pejabat CIDB bersama-sama dokumen sokongan untuk semakan dan kelulusan. 2. Bayaran yuran (RM1,500) secara manual perlu dijelaskan semasa permohonan dihantar ke pejabat CIDB. |
| | <p><u>SEMAKAN DOKUMEN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap maka pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan dalam tempoh 3 hari bekerja tanpa bayaran semula dikenakan. |
| | <p><u>VERIFIKASI FIZIKAL</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. CIDB akan mengesahkan tarikh verifikasi yang dicadangkan oleh pengeluar/ pengilang bagi membuat pemeriksaan fizikal terhadap bahan/ produk binaan di premis pengeluar/ pengilang dan mengadakan lawatan verifikasi. 4. Verifikasi akan dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap . |
| | <p><u>KELULUSAN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi 10 hari bekerja dari tarikh lawatan verifikasi. 6. Surat kelulusan sementara akan diberikan kepada permohonan yang lulus. |
| <p><u>KEMASKINI SECARA MANUAL</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Setelah sistem kembali pulih, pemohon perlu memasukkan maklumat yang diluluskan secara manual ke dalam sistem untuk dihantar ke CIDB bagi proses pengeluaran sijil PPS digital. (3 hari) | |

7.9 Proses Permohonan Secara “On-line” (Permohonan Pembaharuan)




7.10 Proses Permohonan Secara “On-line” (Permohonan Penambahan Produk)

| Carta Alir | Keterangan |
|---|--|
|  <pre> graph TD MULA([MULA]) --> MOHON[MOHON] MOHON --> SEMAK{SEMAK} SEMAK -- Tidak lengkap --> MOHON SEMAK -- Lengkap --> VERIFIKASI_FIZIKAL{VERIFIKASI FIZIKAL} VERIFIKASI_FIZIKAL -- Ditolak --> MOHON VERIFIKASI_FIZIKAL -- Disahkan --> KELULUSAN{KELULUSAN} KELULUSAN -- Gagal --> MOHON KELULUSAN -- Lulus --> PPS[PPS] PPS --> TAMAT([TAMAT]) </pre> | <p>PERMOHONAN PEMBAHARUAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon membuat permohonan penambahan produk melalui https://ccpm.cidb.gov.my dengan memasukkan semua maklumat berkaitan produk tambahan serta dokumen terkini ke dalam sistem untuk semakan dan kelulusan CIDB. 2. Bayaran yuran (RM750) perlu dijelaskan semasa permohonan. |
| | <p>SEMAKAN DOKUMEN</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap, pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan dalam tempoh 3 hari bekerja tanpa dikenakan bayaran semula. |
| | <p>VERIFIKASI FIZIKAL</p> <ol style="list-style-type: none"> 4. CIDB akan mengesahkan tarikh verifikasi yang dicadangkan oleh pengeluar/ pengilang untuk pemeriksaan fizikal terhadap bahan/ produk binaan di premis pengeluar/ pengilang dan mengadakan lawatan verifikasi. 5. Verifikasi akan dilaksanakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan lengkap. |
| | <p>KELULUSAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 6. Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi 10 hari bekerja dari tarikh lawatan verifikasi. |
| | <p>PENGELUARAN PPS</p> <ol style="list-style-type: none"> 7. Setelah permohonan diluluskan, sistem CCPM akan menjana terus sijil PPS digital secara atas talian. 8. Pemohon perlu daftar masuk semula ke dalam sistem CCPM dan boleh memuat turun sendiri sijil PPS digital. 9. Cetakan sijil PPS boleh dilakukan melalui sistem tersebut. <p><i>* Nota – PPS dikeluarkan dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh verifikasi.</i></p> |

7.11 Proses Permohonan Secara “On-line” (Permohonan Baharu/ Pembaharuan Bagi Produk IBS)


Bagi setiap permohonan PPS untuk produk IBS, pemohon perlu mengemukakan sijil yang telah diperakukan bagi standard CIS 24 yang masih sah. Sijil tersebut boleh dimuatnaik secara atas talian di CCPM untuk tujuan permohonan baharu/ pembaharuan produk IBS. Perincian carta alir kerja adalah seperti di bawah:



7.11.1 Syarat Permohonan PPS Bagi Produk IBS

- a. Mempunyai sijil Perakuan CIS 24 yang masih sah.
- b. Telah menjalankan verifikasi kilang dan produk.
- c. Syarat-syarat permohonan Persijilan CIS 24 yang terkini.

7.12 Proses Pelantikan Badan Pemeriksa dan Makmal untuk tujuan Pemeriksaan dan Pengujian bagi Permohonan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) Tempatan

| Carta Alir | Keterangan |
|---|--|
|  <pre> graph TD M([MULA]) --> B[MENGISI BORANG TPiB] B --> P[MENERIMA PENGESAHAN BORANG] P --> PR[PENSAMPELAN PRODUK] PR --> L[MENJALANKAN LAPORAN UJIAN PENUH] L --> LU[MENERIMA LAPORAN UJIAN PENUH] LU --> MP[MENDAPATKAN PENGESAHAN CIDB] MP --> D[DISAHKAN] D --> T([TAMAT]) </pre> | <p><u>MELENGKAPKAN BORANG PERLANTIKAN MAKMAL DAN BADAN PEMERIKSA</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon perlu melengkapkan borang perlantikan tersebut dan mendapatkan pengesahan daripada badan pemeriksa dan makmal yang dilantik. 2. Menghantar borang yang lengkap kepada CIDB Ibu Pejabat beserta dokumen sokongan secara serahan tangan di Pejabat CIDB Ibu Pejabat atau melalui email atau faks. |
|  | <p><u>PENGESAHAN BORANG PERLANTIKAN MAKMAL DAN BADAN PEMERIKSA</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 3. CIDB akan mengesahkan dan mengembalikan borang yang telah lengkap untuk pelaksanaan pemeriksaan bahan binaan dan pengujian oleh makmal yang dilantik. 4. Pengesahan akan dibuat dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang tersebut. |
|  | <p><u>PENERIMAAN LAPORAN PEMERIKSAAN DAN PENGUJIAN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Laporan pemeriksaan dan pengujian yang dikeluarkan oleh badan pemeriksa dan makmal yang dilantik perlu dihantar kepada CIDB Ibu Pejabat untuk tujuan semakan dan pengesahan. 6. Penghantaran boleh dibuat melalui serahan tangan di Pejabat CIDB Ibu Pejabat atau melalui email atau faks. |
|  | <p><u>SEMAKAN DAN PENGESAHAN LAPORAN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 7. Semakan dan pengesahan akan dibuat dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh penerimaan laporan tersebut. 8. Laporan yang telah disemak dan disahkan akan diserahkan semula kepada pemohon untuk tujuan permohonan Perakuan Pematuhan Standard. |
|  | <p><u>PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 9. Setelah menerima laporan yang telah diserahkan oleh CIDB, rujuk Perkara 7.7. Proses Permohonan Secara "On-Line" untuk Permohonan Baharu. |

8. SYARAT-SYARAT VERIFIKASI

Pengeluar/ pengilang hendaklah memastikan syarat-syarat di bawah dipatuhi dan kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut boleh menyebabkan kerja-kerja verifikasi tidak dapat dijalankan. Untuk tujuan verifikasi, pengeluar/ pengilang hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut: -

- a. Menyediakan PC asal dan dokumen-dokumen asal permohonan untuk semakan PV.
- b. Memastikan pengeluar/ pengilang atau wakil yang sah hadir sepanjang tempoh verifikasi dijalankan.
- c. Menyampaikan taklimat keselamatan kepada PV sebelum kerja-kerja verifikasi dijalankan.
- d. Menyediakan keperluan kelengkapan keselamatan kepada PV sepanjang masa ketika menjalankan verifikasi di premis mereka.
- e. Memberi kebenaran kepada PV yang dilantik untuk memasuki premis pada bila-bila masa yang wajar pada pertimbangan CIDB.
- f. Memastikan bahan/ produk mematuhi standard yang berkaitan sepanjang tempoh sah laku PPS. Sekiranya didapati berlaku ketidakpatuhan, perakuan akan ditarik balik, digantung dan dibatalkan serta-merta.
- g. Sepanjang tempoh sah laku PPS, pengeluar/ pengilang adalah tertakluk kepada peruntukan perundangan lain yang berkaitan dengan bahan/ produk binaan.
- h. Menyediakan kemudahan dan peralatan yang diperlukan oleh PV bagi tujuan verifikasi ke atas bahan/ produk binaan.
- i. Memastikan bahan/ produk binaan yang hendak diperiksa hendaklah disimpan secara teratur dan di kawasan yang selamat semasa kerja-kerja verifikasi.

8.1 Penangguhan Verifikasi

Pemakluman mengenai penangguhan verifikasi oleh pengeluar/ pengilang hendaklah dimaklumkan sekurang-kurangnya **2 hari bekerja** sebelum tarikh verifikasi yang ditetapkan sekiranya terdapat perkara-perkara luar jangka dan mendapat pertimbangan CIDB.

9. YURAN

9.1 Bayaran Pemohonan Perakuan Pematuhan Standard

Bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut :

| No | Permohonan | RM |
|----|--|-------|
| 1. | Baharu | 1,500 |
| 2. | Pembaharuan dengan penambahan produk | |
| 3. | Pembaharuan | 750 |
| 4. | Penambahan produk (dalam tempoh sahlaku PPS) | |

Bayaran boleh dijelaskan secara atas talian atau di mana-mana kaunter pejabat CIDB dengan membawa Inbois Bayaran yang dicetak dari sistem CCPM sebagai dokumen rujukan.

9.2 Pengeluaran Semula Sijil PPS (Untuk Pertukaran Maklumat)

Bagi sebarang urusan yang melibatkan pengeluaran PPS baharu seperti permohonan pertukaran maklumat syarikat, **permohonan secara bertulis** (surat rasmi syarikat pemohon dan ia perlu ditandatangani oleh Pengarah Syarikat) perlu dikemukakan kepada Bahagian Standard & Bahan Binaan Ibu pejabat CIDB untuk semakan dan seterusnya proses kelulusan. Bagi setiap permohonan yang telah diluluskan, sijil PPS yang terkini akan dikemaskini semula dalam sistem CCPM dan pemohon boleh memuat turun sijil PPS tersebut secara atas talian seterusnya membuat cetakan sijil PPS digital.

10. TINDAKAN TERHADAP KETIDAKPATUHAN

CIDB boleh atas daya usahanya sendiri atau berdasarkan aduan yang telah disah tentukan oleh mana-mana pihak menggantung atau membatalkan atau menarik semula PPS mana-mana pengeluar/ pengilang yang telah melakukan apa-apa kesalahan seperti yang tersenarai di bawah :-

- a. Pemegang Perakuan telah dihukum sebagai bankrupt; atau
- b. Pemegang Perakuan gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau peraturan-peraturan pendaftaran atau pekeliling yang dikeluarkan (jika ada); atau
- c. Pemegang Perakuan telah memperoleh Perakuan dengan membuat perakuan yang penyataan palsu secara bertulis atau sebaliknya; atau
- d. Pemegang Perakuan telah melanggar atau gagal mematuhi; atau telah membantu pelanggaran mana-mana terma, syarat-syarat atau balasan yang dikenakan oleh CIDB.

11.LAMPIRAN

| | |
|------------|---|
| LAMPIRAN A | Senarai Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan 2021) |
| LAMPIRAN B | Carta Proses Pendaftaran Pengguna Baharu Sistem CCPM Carta Proses Permohonan Perakuan Pematuhan Standard Sistem CCPM |
| LAMPIRAN C | Borang PBT_01: Borang Permohonan Secara Manual |
| LAMPIRAN D | Senarai semak bagi permohonan PPS |
| LAMPIRAN E | Borang Perlantikan Badan Pemeriksa dan Makmal bagi tujuan Pemeriksaan dan Ujian Bagi permohonan Perakuan Pematuhan Standard (PPS) Tempatan |
| LAMPIRAN F | Syarat- syarat Perakuan Pematuhan Standard (PPS) |



10 September 2021
10 September 2021
P.U. (A) 358

WARTA KERAJAAN
PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH LEMBAGA PEMBANGUNAN
INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
(PINDAAN JADUAL KEEMPAT) 2021

*LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI
PEMBINAAN MALAYSIA (AMENDMENT OF
FOURTH SCHEDULE) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA 1994
PERINTAH LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
(PINDAAN JADUAL KEEMPAT) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 33C (2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan Jadual Keempat) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 13 September 2021.

Penggantian Jadual Keempat

2. Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520] dipinda dengan menggantikan Jadual Keempat dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEEMPAT

[Subseksyen 33C (1)]

STANDARD BAGI PEMERAKUAN BAHAN BINAAN

| <i>No.</i> | <i>Jenis Bahan Binaan</i> | <i>Standard yang diluluskan oleh Lembaga</i> |
|------------|---|--|
| 1. | Aluminium | |
| (a) | Plat, kepingan dan jalur aluminium | MS 2040 |
| (b) | Kerajang aluminium dengan ketebalan tidak melebihi 0.2 mm, tidak berbelakang: digelek sahaja tetapi tidak selanjutnya | MS 1848 |
| (c) | Struktur aluminium | MS 832 MS 1017 |
| (d) | Panel komposit aluminium untuk dinding luar dan dalam | MS 2571 |
| (e) | Aluminium dan aloi aluminium – kepingan dan jalur bersalut gegelung untuk kegunaan am | MS EN 1396 |
| (f) | Aluminium dan aloi aluminium untuk bentuk semperit | MS 2289 |

2. Bahan penebatan
 - (a) Benang hampas, wul batuan dan wul mineral serupa (termasuk campuran antaranya) dalam bentuk pukal, kepingan atau gulungan MS 1020
 - (b) Kepingan nipis (voil), web, tikar, tilam, papan dan produk tanpa tenun serupa, daripada kaca gentian MS 1020
 - (c) Gentian kaca (termasuk wul) MS 1020
3. Jubin seramik MS ISO 13006
4. Kaca
 - (a) Kaca apung
 - (i) Kaca apung jernih, tak berdawai atau tak berwarna bagi keseluruhan jisim, selain bentuk segi empat sama atau segi empat tepat (termasuk yang mempunyai satu, dua, tiga atau empat potongan bucu) MS 1135
 - (ii) Kaca apung berwarna sedikit, berwarna bagi keseluruhan jisim (berwarna sedikit pada badan), dilegapkan, dipancarkan atau hanya dicanai permukaan, selain kaca optik MS 1135
 - (b) Kaca bersalut MS 2397
 - (c) Kaca keselamatan MS 1498
 - (d) Kaca berdawai MS 2676
5. Kepingan rata simen gentian yang tidak mengandungi asbestos MS 1296
6. Konkrit Pra-Tuang
 - (a) Cerucuk bagi tapak MS 1314-3
MS 1314-4
MS 1314-6
7. Konkrit siap campur MS EN 206
MS 523-2
MS 523-3
CIS 21
8. Simen
 - (a) Simen Portland
 - (i) Semua jenis Simen Portland putih MS 888

| | | |
|-------|--|-------------------------------------|
| (ii) | Selain semua jenis Simen Portland putih | MS EN 197-1 |
| (b) | Simen alumina | BS EN 14647 |
| (c) | Simen hidraulik lain | MS EN 197-1 |
| (d) | Simen batu | MS EN 413-1 |
| 9. | Sistem Binaan Berindustri | CIS 24 |
| (a) | Sistem Konkrit Pra-Tuang | |
| (i) | Elemen Bumbung Khas | |
| (ii) | Tangga | |
| (iii) | Elemen Dinding | |
| (iv) | Sistem Papak | |
| (A) | Papak Separuh | |
| (B) | Plank | |
| (C) | Papak Pra-Tegangan | |
| (D) | Papak Teras Berongga | |
| (E) | Elemen Lantai Berusuk | |
| (v) | Elemen Struktur Linear | |
| (A) | Rasuk | |
| (B) | Tiang | |
| (b) | Sistem Kerja Blok | |
| (i) | <i>Concrete Masonry Units (CMU)</i> | |
